A

Ahmad Sukri bin Ariffin lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO T-09–192–08 TAHUN 2023, T-09–193–08 TAHUN 2023 DAN T-09–194–08 TAHUN 2023
AHMAD ZAIDI IBRAHIM, AZMAN ABDULLAH AND AZMI ARIFFIN HHMR
C
28 NOVEMBER 2024

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tuduhan rogol di bawah s 376(3) Kanun Keseksaan — Tuduhan melakukan
D
persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii di bawah s 377 Kanun Keseksaan — Mangsa bawah umur — Sama ada terdapat percanggahan antara keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan — Sama ada terdapat dapatan fakta dan undang-undang yang 'concurrent' antara Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen — Sama ada mangsa adalah saksi yang boleh dipercayai dan kredibel
E
— Sama ada keterangan mangsa disokong — Sama ada kegagalan mencabar kebolehpercayaan saksi tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah — Sama ada kepentingan awam perlu diutamakan berbanding kepentingan individu dalam kes kesalahan seksual — Sama ada hukuman berat perlu dijatuhkan bagi jenayah rogol yang melibatkan mangsa bawah umur — Kanun
F
Keseksaan ss 376(3) & 377

Kes semasa adalah berkaitan dengan dua pertuduhan rogol di bawah s 376(3) Kanun Keseksaan ('KK') dan satu pertuduhan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii di bawah s 377C KK yang dikenakan ke atas
G
tertuduh yang merupakan bapa kandung mangsa dalam kes ini. Semasa kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan oleh tertuduh, mangsa berusia 15 tahun. Tertuduh dan ibu mangsa telah bercerai dan mangsa pada awalnya menetap dan dijaga oleh neneknya namun setelah mangsa berhenti sekolah dan apabila nenek mangsa mengetahui bahawa mangsa merancang untuk
H
melarikan diri daripada rumah, nenek mangsa telah menghubungi bapa mangsa iaitu tertuduh untuk mengambil mangsa untuk tinggal bersamanya. Kejadian-kejadian rogol dan persetubuhan luar tabii tersebut berlaku semasa mangsa tinggal di rumah tertuduh. Bagi kejadian rogol yang pertama yang berlaku pada 14 Ogos 2019, sebelum mangsa dirogol di dalam biliknya,
I
mangsa telah dimarahi oleh tertuduh kerana telah mencukur kening. Kejadian mangsa dimarahi oleh tertuduh ini disokong melalui keterangan adik mangsa ('SD4') yang ketika itu sedang menonton televisyen di ruang tamu rumah tertuduh. Kejadian rogol kedua dan kejadian persetubuhan luar tabii pula berlaku pada 26 November 2019 di dalam bilik tertuduh. Mangsa telah

memberitahu tentang kejadian-kejadian tersebut kepada nenek, ibu, ibu saudara dan bapa saudara mangsa. Setelah mengetahui tentang kejadian-kejadian tersebut, ibu mangsa telah membawa mangsa ke hospital dan seterusnya membuat laporan polis berkaitan dengan kejadian-kejadian tersebut. Mangsa telah dirujuk kepada pakar perubatan sakit puan ('SP2') Hospital Kemaman dan hasilnya, SP2 mendapati terdapat kesan-kesan koyakan lama pada selaput dara mangsa. SP3 yang merupakan pakar bedah am di Hospital Kemaman pula mendapati terdapat kesan luka pada dubur mangsa. Tertuduh mengemukakan pembelaan alibi bahawa pada 26 November 2019 jam dua petang, tertuduh berada di rumah nenek mangsa di Kijal, Kemaman dan ketika itu tertuduh ada bersama-sama dengan mangsa dan ibu tertuduh (SD2). Selain itu, tertuduh juga mendakwa bahawa ibu mangsa telah memfitnah tertuduh kerana ingin menutup perlakuan mangsa yang telah melakukan hubungan seks dengan seorang warga negara Bangladesh bernama Ruby. Berkaitan dengan perkara ini, SD4 pernah melihat Ruby dan mangsa bertemu. Di peringkat mahkamah sesyen, tertuduh telah didapati bersalah di atas semua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman seperti berikut: (a) bagi kes rogol pertama yang berlaku pada 14 Ogos 2019 — pemenjaraan selama 16 tahun dari tarikh tangkap 2 Disember 2019 dan sepuluh sebatan; (b) bagi kes rogol kedua yang berlaku pada 26 November 2019 — pemenjaraan selama 16 tahun dan 10 sebatan, dan hukuman pemenjaraan tersebut berjalan secara berasingan dengan hukuman pemenjaraan bagi kes rogol pertama; dan (c) bagi kes melakukan persetubuhan luar tabii yang berlaku pada 26 November 2019 — pemenjaraan selama tujuh tahun dan dua sebatan, dan hukuman pemenjaraan tersebut berjalan serentak dengan hukuman pemenjaraan bagi kes rogol kedua. Di peringkat Mahkamah Tinggi pula, hanya rayuan tertuduh ke atas sabitan dan hukuman bagi kes rogol pertama sahaja dibenarkan, manakala sabitan dan hukuman bagi pertuduhan-pertuduhan yang lain dikekalkan. Bagi kes rogol pertama, Mahkamah Tinggi bersetuju dengan hujahan peguam tertuduh bahawa kegagalan untuk mencabar kebolehpercayaan (*impeach*) keterangan SD4 (bahawa tertuduh berada di luar bilik semasa memarahi mangsa) telah menimbulkan keraguan yang munasabah. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh dan pendakwa raya telah memfailkan rayuan-rayuan semasa.

Diputuskan, menolak rayuan-rayuan tertuduh, membenarkan rayuan pendakwa raya dan menghidupkan kembali dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen bagi ketiga-tiga pertuduhan:

(1) Mahkamah mendapati tiada merit dalam rayuan tertuduh terhadap sabitan bagi kedua-dua kejadian yang berlaku pada 26 November 2019. Bagi kedua-dua rayuan tersebut, terdapatnya dapatan yang 'concurrent' oleh mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi berhubung dapatan fakta dan dapatan undang-undang. Tiada kekhilafan berhubung

dapatan-dapatan tersebut. Selain itu, mahkamah juga mendapati dapatan Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen adalah selaras dengan keterangan yang telah dikemukakan. Di dalam mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mempercayai keterangan mangsa dan mendapati mangsa adalah seorang saksi yang boleh dipercayai serta kredibel dan keterangan mangsa telah disokong oleh keterangan perubatan dan saksi-saksi sokongan yang lain. Mahkamah juga mendapati percanggahan yang wujud di antara saksi-saksi pihak pendakwaan adalah sesuatu yang tidak material sama sekali dan hanyalah merupakan percanggahan-percanggahan biasa yang berlaku di dalam mana-mana kes pendakwaan, namun ini tidak menggugat keterangan substantif pihak pendakwaan berhubung dengan pertuduhan. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa sabitan terhadap tertuduh bagi kedua-dua pertuduhan ini adalah selamat (lihat perenggan 43–47).

(2) Berhubung rayuan pihak pendakwa raya di atas pembebasan dan pelepasan tertuduh bagi kejadian rogol yang berlaku pada 14 Ogos 2019 pula, mahkamah dapati tiada keperluan untuk pihak pendakwaan mencabar kebolehpercayaan keterangan SD4. Ini adalah kerana mengikut SD4 semasa tertuduh memarahi mangsa kerana mencukur keningnya, mangsa ketika itu berada di dalam biliknya. SD4 mengesahkan bahawa selepas itu SD4 fokus menonton televisyen dan tidak tahu apa yang berlaku di dalam bilik mangsa. Mengikut mangsa pula, tertuduh kemudiannya telah masuk ke dalam bilik mangsa yang tidak berkunci lalu merogolnya. Sehubungan dengan itu juga kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil atau menawarkan SD4 dan adiknya kepada pihak pembelaan tidak mewujudkan apa-apa kelompangan di dalam kes pendakwaan mengenai kesahihan kejadian rogol ini. Mahkamah juga mendapati bahawa andaian yang dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi, bahawa tidak mungkin berlakunya kejadian rogol dalam bilik tersebut kerana SD4 juga berada di dalam rumah tersebut, adalah suatu kekhilafan. Dalam keadaan di mana keteguhan kredibiliti mangsa diterima dan disahkan oleh Mahkamah Tinggi, mahkamah dapati tiada alasan kukuh yang diberikan bagaimana Mahkamah Tinggi kini boleh mempercayai pula keterangan lemah SD4 dan menyimpulkan tiada kesalahan rogol yang terjadi (lihat perenggan 48–50).

(3) Kes-kes yang melibatkan jenayah seksual adalah suatu kesalahan yang sangat keji dan memalukan. Tambahan lagi jika ianya melibatkan kesalahan sumbang mahram seperti di dalam kes ini. Perbuatan jelik tertuduh ini tidak ubah bagai 'haruan makan anak' dan seperti 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Penyesalan dan keinsafan yang dizahirkan oleh tertuduh di atas ketelanjurannya sudah tidak mempunyai apa-apa nilai berharga lagi. Pastinya kejadian-kejadian yang berlaku ke atas diri

mangsa ini bukan sahaja boleh menjejaskan pertumbuhan fizikal dan kesejahteraan mental mangsa, malahan ia juga boleh mengundang pelbagai tekanan dan kesan-kesan negatif lain. Justeru itu, kesan rogol ini perlu di pandang serius oleh mahkamah. Kanak-kanak di negara ini perlu dilindungi dari segala bentuk eksploitasi seksual kerana mereka seringkali menjadi objek pemuas nafsu dan sasaran mudah untuk pelaku-pelaku memenuhi desakan naluri seksual mereka. Oleh itu, hukuman berat berbentuk pencegahan perlu dikenakan sebagai amaran keras dan pengajaran kepada tertuduh dan juga kepada mereka yang kepingin untuk melakukan kesalahan sebegini (lihat perenggan 58–62).

(4) Mahkamah telah memberikan pertimbangan ke atas mitigasi tertuduh. Namun begitu, kepentingan awam hendaklah sentiasa diutamakan berbanding kepentingan individu kerana kes-kes kesalahan seksual ini ibarat satu penyakit kronik yang semakin merebak dan menjadi ancaman kepada masyarakat. Gejala sumbang mahram bukanlah satu fenomena baru, malah telah menjadi 'duri dalam daging' yang membelenggu masyarakat sejak sekian lama tanpa mengira bangsa, budaya dan agama. Justeru itu, hanya hukuman berat yang dijatuhkan oleh mahkamah sahaja yang diharapkan dapat membantu membendung peningkatan ketara dalam kes jenayah rogol yang melibatkan gadis bawah umur darıpada terus berleluasa (lihat perenggan 65–68).

[Bahasa Malaysia summary

The present case was related to two charges of rape under s 376(3) of the Penal Code ('the PC') and one charge of carnal intercourse against the order of nature under s 377C of the PC imposed on the accused who was the biological father of the victim in this case. At the time the offences were committed by the accused, the victim was 15 years old. The accused and the victim's mother were divorced and the victim initially lived and was cared for by her grandmother, however after the victim dropped out of school and when the victim's grandmother learned that the victim was planning to run away from home, the victim's grandmother contacted the victim's father, the accused, to take the victim to live with him. The rape and the unnatural intercourse incidents occurred while the victim was staying at the accused's house. For the first rape incident which occurred on 14 August 2019, before the victim was raped in her room, the victim was scolded by the accused for shaving her eyebrows. The incident of the victim being scolded by the accused was supported by the testimony of the victim's younger brother ('SD4') who was watching television in the living room of the accused's house at the time. The second rape case and the unnatural intercourse incident occurred on 26 November 2019 in the accused's room. The victim told the victim's grandmother, mother, aunt and uncle about the incidents. After learning about the incidents, the victim's mother took the victim to the hospital and subsequently filed a police report regarding the incidents. The victim was referred to a gynaecologist ('SP2') at

Kemaman Hospital and as a result, SP2 found that there were signs of old tears on the victim's hymen. SP3, who was a general surgeon at Kemaman Hospital, found that there were signs of wounds on the victim's anus. The accused presented the defence of alibi that on 26 November 2019 at 2pm, the accused was at the victim's grandmother's house in Kijal, Kemaman and at that time the accused was with the victim and the accused's mother (SD2). In addition, the accused also claimed that the victim's mother had slandered the accused because she wanted to cover up the victim's sexual relationship with a Bangladeshi national named Ruby. In relation to this matter, SD4 had seen Ruby and the victim met. At the sessions court stage, the accused was convicted of all the charges and sentenced as followed: (a) for the first rape case which occurred on 14 August 2019 — imprisonment for 16 years from the date of arrest on 2 December 2019 and 10 strokes of the whipping; (b) for the second rape case which occurred on 26 November 2019 — imprisonment for 16 years and ten strokes of the whipping, and the imprisonment sentences for the second rape case and the first rape case were to run consecutively; and (c) for the case of carnal intercourse against the order of nature which occurred on 26 November 2019 — imprisonment for seven years and two strokes of the whipping, and the imprisonment sentence was to run concurrently with the imprisonment sentence for the second rape case. At the High Court stage, only the accused's appeal against the conviction and sentence for the first rape case was allowed, while the conviction and sentence for the other charges were upheld. For the first rape case, the High Court agreed with the argument of the accused's lawyer that the failure to impeach the credibility of SD4's evidence (that the accused was outside the room when he scolded the victim) had raised reasonable doubt. Dissatisfied with the decision, the accused and the public prosecutor had filed the present appeals.

Held, dismissing the appeals of the accused, allowing the appeal of the public prosecutor and reviving and upholding the sentences imposed by the sessions court for the three charges:

(1) The court found no merit in the accused's appeal against the conviction for the two incidents that occurred on 26 November 2019. For both appeals, there were concurrent findings by the sessions court and the High Court regarding the findings of fact and findings of law. There was no error in relation to those findings. In addition, the court also found that the findings of the High Court and the sessions court were consistent with the evidence presented. In finding the accused guilty and convicting the accused, the learned sessions court judge believed the victim's testimony and found that the victim was a reliable and credible witness and that the victim's testimony was supported by medical evidence and other supporting witnesses. The court also found that the contradictions that existed between the prosecution witnesses were completely immaterial and were merely ordinary contradictions that occurred in any

prosecution case, however, this did not undermine the substantive evidence of the prosecution in relation to the charge. Therefore, the court found that the conviction of the accused on both charges was safe (see paras 43–47).

(2) Regarding the public prosecutor's appeal against the acquittal and discharge of the accused for the rape incident that occurred on 14 August 2019, the court found that there was no need for the prosecution to impeach the reliability of SD4's evidence. This was because according to SD4, when the accused scolded the victim for shaving her eyebrows, the victim was in her room at the time. SD4 confirmed that after that, SD4 was focused on watching television and did not know what was happening in the victim's room. According to the victim, the accused then entered the victim's unlocked room and raped her. In this regard, the prosecution's failure to call or offer SD4 and his brother to the defence did not create any gap in the prosecution's case regarding the validity of this rape incident. The court also found that the assumption made by the High Court judge, that it was not possible for a rape incident to have occurred in the room because SD4 was also in the house, was an error. In a situation where the victim's credibility was accepted and confirmed by the High Court, the court found that no strong reasons were given as to how the High Court could now believe SD4's weak evidence and conclude that no offence of rape had occurred (see paras 48–50).

(3) Cases involving sexual crimes were very heinous and shameful offences. Moreover, if it involved the offence of incest as in the present case. The accused's heinous act was nothing less than 'haruan makan anak' and 'seperti harapkan pagar, pagar makan padi'. The regret and remorse expressed by the accused over his actions no longer had any value. Certainly, the incidents that occurred to this victim had not only affect the physical growth and mental well-being of the victim, but it could also invite various pressures and other negative effects. Therefore, these effects of rape ought to be taken seriously by the court. Children in this country ought to be protected from all forms of sexual exploitation because they often become objects of lust and easy targets for perpetrators to fulfil their sexual instincts. Therefore, severe punishment in the form of deterrence ought to be imposed as a strong warning and lesson to the accused and also to those who had the intention to commit such offences (see paras 58–62).

(4) The court had given consideration to the mitigation of the accused. However, the public interest must always take precedence over the interests of the individual because these sexual offence cases were like a chronic disease that was increasingly spreading and becoming a threat to society. The phenomenon of incest was not a new phenomenon, but had become 'duri dalam daging' that had plagued society for a long time

regardless of race, culture and religion. Therefore, only severe punishment imposed by the court could help to curb the significant increase in rape cases involving underage girls from continuing to spread (see paras 65–68).]

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, MP (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, MP (dirujuk)
Kesavan a/l Baskaran v PP [2008] 6 MLJ 384, MR (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197, MP (dirujuk)
Ong Lai Kim v PP and other appeals [1991] 3 MLJ 111, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Prabu A/L Veeramuthu and Others [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257; [2010] 1 LNS 695, MR (dirujuk)
PP v William Ayau [2005] 4 MLJ 328, MT (dirujuk)
Tuan Mat bin Tuan Lonik v PP [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 375, 376(3), 377A, 377C

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No TA-42JSKS-7–07 Tahun 2022; TA-42JSKS-8–07 Tahun 2022; dan TA-42JSKS-9–07 Tahun 2022 (Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu)

Muhammad Nadzir bin Abdullah (Mohd Hayyatuddin & Co) bagi pihak perayu.
Atiqah bt Abdul Karim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara Putrajaya) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap tertuduh bermula di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman di atas tiga pertuduhan berikut:

(a) Perbicaraan Jenayah No: TA-62JSK-67–12 Tahun 2019;

(b) Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-9–07 Tahun 2022; dan

(c) Rayuan Jenayah MR: T-09–194–8 Tahun 2023.

Pertuduhan:

Bahawa kamu pada 14 Ogos 2019 jam lebih kurang 12.00 tengahari di rumah alamat No. 395, Rumah PPRT Kampung Peris, 21700 Kuala Berang di dalam Daerah Hulu Terengganu telah didapati melakukan kesalahan rogol ke atas nama: XXXXXXXX No KP: XXXXXXX yang merupakan anak kandung kamu berusia 15 tahun 1 bulan yang mana perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang (atau) hukum agama atau adat atau kebiasaan) untuk berkahwin dengannya. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(3) Kanun Keseksaan.

(a) Perbicaraan Jenayah No: TA-62JSK-101–12 Tahun 2019;

(b) Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-8–0 Tahun 2022; dan

(c) Rayuan Jenayah MR: T-09-193–08 Tahun 2023.

Pertuduhan:

Bahawa kamu pada 26 November 2019 jam lebih kurang 2.00 petang di rumah alamat No 395, Rumah PPRT Kampung Peris, 21700 Kuala Berang di dalam Daerah Hulu Terengganu telah didapati melakukan kesalahan rogol ke atas nama: XXXXXXXX No KP: XXXXXXX yang merupakan anak kandung kamu berusia 15 tahun 1 bulan yang mana perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang (atau) hukum agama atau adat atau kebiasaan) untuk berkahwin dengannya. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(3) Kanun Keseksaan.

(a) Perbicaraan Jenayah No: TA-62JSK-102–12 Tahun 2019;

(b) Rayuan Jenayah MT No: 42JSKS-7–07 Tahun 2022; dan

(c) Rayuan Jenayah MR: T-09-192–08 Tahun 2023.

Pertuduhan:

Bahawa kamu pada 26 November 2019 jam lebih kurang 2.00 petang di rumah alamat No 395, Rumah PPRT Kampung Peris, 21700 Kuala Berang di dalam Daerah Hulu Terengganu telah didapati melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan cara memasukkan zakar kamu ke dalam dubur anak kandung kamu Nama: XXXXXXX No KP: XXXXXXX tanpa kerelaannya. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 377C Kanun Keseksaan.

[2] Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan memohon untuk dibicarakan. Perbicaraan bagi ketiga-tiga kes ini telah dijalankan bersesama di dalam satu perbicaraan.

[3] Di akhir kes pembelaan, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan dikenakan hukuman seperti berikut:

(a) TA-62JSK-67–12 Tahun 2019 — pemenjaraan selama 16 tahun dari tarikh tangkap 2 Disember 2019 dan sepuluh sebatan;

(b) TA-62JSK-101–12 Tahun 2019 — pemenjaraan selama 16 tahun dan sepuluh sebatan. Hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan dengan kes TA-62JSK-67–12 Tahun 2019; dan

(c) TA-62JSK-102–12 Tahun 2019 — pemenjaraan selama tujuh tahun dan berjalan secara serentak dengan kes TA-62JSK-101–12 Tahun 2019.

[4] Terkilan dengan keputusan tersebut, tertuduh telah memfailkan tiga notis rayuan berasingan di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

[5] Pada 25 Julai 2023, Mahkamah Tinggi telah memutuskan seperti berikut:

(a) bagi Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-7–07 Tahun 2022:
Rayuan perayu/tertuduh ke atas sabitan dan hukuman ditolak. Perintah hakim mahkamah sesyen yang menjatuhkan hukuman tujuh tahun penjara dan dua sebatan rotan dikekalkan. Hukuman penjara berjalan serentak dengan kes TA-62JSKS-8–07 Tahun 2022;

(b) bagi Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-8–07 Tahun 2022:
Rayuan perayu/tertuduh ke atas sabitan dan hukuman ditolak. Perintah hakim mahkamah sesyen yang menjatuhkan hukuman 16 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan bagi dikekalkan. Hukuman penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkap pada 2 Disember 2019; dan

(c) bagi Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-9–07 Tahun 2022:
Rayuan perayu/tertuduh ke atas sabitan dan hukuman dibenarkan. Perintah hakim mahkamah sesyen yang menjatuhkan hukuman 16 tahun penjara dari tarikh tangkap 2 Disember 2019 dan sepuluh sebatan rotan diketepikan. Perayu di bebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan.

[6] Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, pada 3 Ogos 2023 tertuduh telah memfailkan dua notis rayuan ke Mahkamah Rayuan (kandungan 24 dan 30) terhadap keseluruhan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi. Manakala pada 4 Ogos 2023 pendakwa raya telah memfailkan notis rayuan (kandungan 23) ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah pembebasan dan pelepasan bagi kes Rayuan Jenayah MT No: TA-42JSKS-9–07 Tahun 2022.

[7] Bagi memudahkan penentuan rayuan-rayuan ini, kami mendapati adalah sesuai untuk ketiga-tiga rayuan ini satukan dan diputuskan di dalam satu penghakiman sahaja kerana ianya saling berkaitan.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[8] Mangsa ('SP5') adalah anak kandung kepada tertuduh. Tertuduh dan ibu mangsa ('SP8') telah bercerai sejak mangsa berumur sembilan tahun. Selepas perceraian kedua ibu bapanya, mangsa tinggal bersama neneknya ('SP6') dan pada hari cuti sekolah tertentu, mangsa ada tinggal di rumah tertuduh.

[9] Semasa di tingkatan tiga, mangsa tidak berminat untuk ke sekolah dan telah berhenti belajar. Mangsa merancang untuk lari dari rumah dan pergi mencari kerja bersama kawannya. Walau bagaimanapun perkara ini diketahui oleh neneknya yang meminta tertuduh datang mengambil mangsa dari rumah neneknya di Kemaman dan dibawa balik ke rumah tertuduh di Kg Peris, Kuala Berang (tempat kejadian). Seingat mangsa dia telah mula tinggal dengan tertuduh pada bulan puasa tahun 2019 tersebut.

[10] Semasa berada di rumah tertuduh, mangsa menyatakan dia telah dirogol oleh tertuduh pada 14 Ogos 2019 yang merupakan kejadian pertama. Kejadian berlaku pada waktu tengahari di dalam bilik tidurnya di rumah tersebut.

[11] Seterusnya mangsa menyatakan bahawa semasa berada di rumah tempat kejadian, tertuduh sering kali merogolnya dan kejadian berlaku pada setiap hari. Semasa memberikan keterangan di mahkamah, mangsa tidak dapat mengingati bagaimana kejadian itu berlaku pada hari-hari tersebut. Mangsa dapat ingat bahawa kejadian terakhir berlaku pada 26 November 2019. Pada tarikh tersebut mangsa telah dirogol dan diliwat oleh tertuduh di dalam bilik tidur di rumah tertuduh.

[12] Pada 27 November 2019, mangsa telah dihantar ke rumah neneknya. Semasa di rumah neneknya, mangsa telah mengadu sakit perut dan mula memberitahu neneknya dan ibunya bahawa tertuduh telah merogolnya. Laporan polis dibuat oleh ibu mangsa pada 1 Disember 2019 sebagaimana Kuala Berang Rpt: 4503/19 (eksh P14).

[13] Mangsa telah dirujuk kepada pakar perubatan sakit puan ('SP2') Hospital Kemaman yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap mangsa pada 1 Disember 2019. Hasil pemeriksaannya, SP2 mendapati terdapat koyakan penuh pada selaput dara mangsa pada jam tiga, dan koyakan separa pada jam lima, tujuh dan 11. Semua koyakan tersebut adalah koyakan lama.

SP2 juga mendapati bahagian posterior fourchette mengalami keregangan (*stretch*). SP2 berpendapat berdasarkan sejarah pesakit dan hasil pemeriksaan yang dilakukan menunjukkan telah berlaku kemasukan zakar lelaki ke dalam kemaluan mangsa yang telah menyebabkan kesan koyakan pada selaput dara mangsa pada jam tiga, lima, tujuh dan 11.

[14] Mangsa juga telah dirujuk kepada pakar bedah am ('SP3') Hospital Kemaman yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap mangsa pada 1 Disember 2019. Hasil pemeriksaan oleh SP3 mendapati di bahagian dubur mangsa terdapat kesan luka (*fissure*) pada kedudukan pukul 12 dan lima. SP3 mendapati mangsa juga mempunyai *internal haemorrhoid* (buasir) pada kedudukan pukul 11. SP3 berpendapat berdasarkan sejarah mangsa dan hasil pemeriksaan yang dijalankan kecederaan pada dubur mangsa adalah disebabkan kemasukan objek tumpul iaitu zakar lelaki ke dalam dubur mangsa. SP3 juga mengesahkan bahawa kemasukan objek tumpul pada dubur mangsa telah menyebabkan berlakunya kelemahan integrity pada tisu tubuh pada bahagian dubur mangsa yang menyebabkan buasir. Hal ini konsisten dengan sejarah mangsa yang diliwat dan menurut SP3 pada peringkat umur mangsa (15 tahun) biasanya tidak terjadinya buasir.

(a) ringkasan pembelaan tertuduh ('SD1'):

(i) tertuduh menafikan berada di tempat kejadian pada tarikh dan masa sepertimana pertuduhan-pertuduhan;

(ii) tertuduh mengemukakan pembelaan alibi bahawa pada 26 November 2019 jam dua petang, tertuduh berada di rumah SP5 di Kijal, Kemaman yang ketika itu beliau ada bersama-sama mangsa dan SD2 (ibu tertuduh);

(iii) mangsa mempunyai hubungan kekasih dengan seorang warga negara Bangladesh bernama Ruby dan SD4 pernah melihat Ruby dan mangsa bertemu; dan

(iv) SP8 (bekas isteri tertuduh/ibu mangsa) dikatakan telah membuat fitnah terhadap tertuduh dengan menyatakan tertuduh telah merogol mangsa dengan maksud menutup perlakuan mangsa yang telah melakukan hubungan seks dengan orang lain.

(b) peruntukan undang-undang berkaitan:

(i) takrif 'rogol' yang diperuntukkan di bawah s 375 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

> A man is said to commit 'rape' who, except in the case hereinafter excepted, has sexual intercourse with a woman under circumstances falling under any of the following descriptions: (a) ...;
>
> (g) with or without her consent, when she is under sixteen years of age.

Explanation — Penetration is sufficient to constitute the sexual intercourse necessary to the offence of rape.

(ii) s 376(3) Kanun Keseksaan memperuntukan seperti berikut:

(3) Whoever commits rape on a woman whose relationship to him is such that he is not permitted under the law, religion, custom or usage, to marry her, shall be punished with imprisonment for a term of not less than eight years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

(iii) s 377C Kanun Keseksaan memperuntukan seperti berikut:

Whoever voluntarily commits carnal intercourse against the order of nature on another person without the consent, or against the will, of the other person, or by putting the other person in fear of death or hurt to the person or any other person, shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than twenty years, and shall also be punished with whipping.

(iv) s 377A Kanun Keseksaan yang menyatakan seperti berikut:

Any person who has sexual connection with another person by the introduction of the penis into the anus or mouth of the other person is said to commit carnal intercourse against the order of nature.

Explanation — Penetration is sufficient to constitute the sexual connection necessary to the offence described in this section.

DAPATAN KAMI

[15] Fakta yang tidak dipertikaikan di sini ialah ketika kejadian mangsa berumur lebih kurang 15 tahun. Tertuduh pula adalah ayah kandung mangsa hasil perkahwinannya dengan ibu mangsa (SP6). Keterangan mengenai hubungan pertalian darah antara tertuduh dan mangsa telah dibuktikan melalui keterangan SP5, SP6 dan SP8. Keterangan dokumentar juga dikemukakan melalui sijil lahir mangsa (eksh P10) dan surat perakuan cerai antara tertuduh dan SP8 (eksh P15). Jelas terbukti tertuduh dan mangsa mempunyai hubungan yang tidak dibenarkan di bawah hukum agama Islam untuk berkahwin.

[16] Selanjutnya, mengenai bagaimana ketiga-tiga kejadian ini berlaku, mangsa di dalam keterangannya memperincikan seperti berikut:

A: Tarikh pertama ayah rogol saya ialah pada 14.8.2019, masa itu saya berada di rumah ayah di Kampung Beris, Kuala Berang. Masa itu tengahari saya tengah cukur kening dalam bilik tidur ibu dan ayah. Masa itu ada adik saya dua orang lelaki Ahmad Farhan dan Ahmad Fadli, mereka berdua di ruang tamu, saya tidak pasti mereka buat apa. Masa itu ayah masuk dalam bilik dan marah pada Tasha sebab cukur kening. Bila kena marah saya menangis. Kemudian ayah mencabul saya.

A Q: Apa yang ayah buat?

A: Ayah saya baringkan saya di atas tilam dalam bilik itu dan saya baring sajalah, ayah buka seluar saya lalu menggosok saya, dia gosok saya dekat paha saya kedua-dua belah paha saya, masa itu ayah duduk hadapan Tasha, (saksi tunjuk dengan anak patung) — ayah duduk melutut di hadapan Tasha, sambil membongkok sedikit dan tangan sebelah kanan dia mengosok kedua-dua belah paha Tasha, ayah tidak berapa lama gosok paha Tasha, dia kemudian memasukkan kemaluannya dalam kemaluan Tasha. Masa itu sebelum itu ayah pakai kain pelikat, dan tidak pakai baju. Masa dia masukkan kemaluan dia dalam kemaluan Tasha kain pelikat ayah masih di perut. Saya nampak kemaluan ayah sebab saya nampak dari bawah kain pelikat. Masa itu ayah baring atas saya, gosok paha saya kemudian ayah angkat kain pelikat dia, jadi saya nampak kemaluan dia itu. Dan ayah cabul saya dengan memasukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya. Masa itu kedudukan kaki saya seperti mahu menyepak, (saksi tunjuk dengan anak patung), satu kaki saya ke atas seperti mahu lepaskan diri dan satu lagi kaki saya lurus di bawah, sementara ayah berbaring di atas saya. Masa ayah masukkan kemaluan dia dalam kemaluan Tasha kedua-dua tangan ayah berada di sisi kiri kanan badan saya. Masa ayah masukkan kemaluan dia dalam kemaluan Tasha, ayah tolak kemaluan dia masuk dalam kemaluan Tasha. Masa itu saya rasa sakit, sakit di dalam kemaluan saya. Tasha masa itu mahu menjerit, tapi ayah tutup mulut Tasha dengan tangan dia, tapi saya tidak pasti tangan mana. Ayah masa itu banyak kali tolak masuk kemaluan dia dalam kemaluan saya dan saya masa itu pejam mata. Tetapi saya masih dapat rasa sakit sebab benda keras masuk dalam kemaluan saya. Masa itu saya rasa sakit saya rasa kemaluan ayah masuk dalam kemaluan saya. Saya hendak melawan tetapi tidak lepas, saya cuba tolak guna tangan saya, tolak ayah. Saya tidak berjaya sebab ayah terlalu kuat.

F Q: Seterusnya apa berlaku?

A: Saya cuba melawan dan cuba larikan diri tapi ayah terlalu kuat susah nak lepas. Saya dah cuba tendang ayah dan tolak dengan tangan saya tetapi tidak berjaya. Ayah makin tolak masuk kemaluan dia dalam kemaluan Tasha. Kemaluan rasa sakit, selepas itu Tasha rasa seperti air keluar dekat kemaluan Tasha, saya dapat rasa ada belengas/melekit dekat paha saya, masa itu kemaluan ayah dah keluar dari kemaluan saya, ayah bangun dan pakai kain pelikat dia dan keluar dari bilik itu. Saya bangun dari atas tilam itu dan saya pakai seluar dan baju saya. Maksud saya masa perbuatan ayah pada saya, baju saya terangkat ke atas, jadi saya bangun dan betulkan semula pakaian saya. Masa ayah buat pada saya, baju saya terangkat ke paras dada, dan nampak buah dada saya. Masa itu saya pakai baju t-shirt, dan saya pakai baju dalam. Baju dalam saya tidak terangkat. Masa itu saya pakai seluar panjang dan tidak pakai apa-apa di dalam.

Q: Kamu tahu air apa yang keluar dari kemaluan kamu?

I A: Saya tidak tahu air apa, tapi dapat rasa di kemaluan dan rasa melekit. Air rasanya basah sampai ke tilam tempat saya baring. Saya kesat air yang melekit pada paha saya dengan kain selimut yang ada dekat tilam itu

Q: Seterusnya apa berlaku?

A: Selepas pakai/membetulkan baju, saya menangis, sebab saya rasa sakit di

kemaluan saya. Selepas itu saya pergi mandi.

Q: Masa kejadian itu bagaimana keadaan cahaya dalam bilik?

A: Waktu dalam bilik cerah sebab waktu tengahari dan dalam bilik itu ada tingkap, tingkap tidak ada langsir. Tingkap tidak buka, tingkap itu tingkap kaca dan ada yang pecah, jadi cerah.

Q: Selepas itu ada beritahu pada sesiapa?

A: Saya tidak cerita pada sesiapa saya hanya diam sahaja. Saya tidak cerita sebab saya takut dan saya malu untuk cerita pada semua orang. Tasha takut hendak cerita dekat orang sebab takut nanti orang perli Tasha. Selepas ayah buat pada Tasha ayah ada beritahu pada Tasha jangan beritahu orang lain, saya hanya diamkan diri. Masa ayah buat perbuatan itu pada Tasha, Tasha tidak faham perlakuan ayah. Saya tidak faham kenapa ayah buat begitu pada saya. Saya tidak suka apa yang ayah buat sebab saya tidak suka benda itu. Saya tidak suka benda itu yang ayah buat/berlaku pada diri saya. Masa itu umur saya 15 tahun.

Q: Masa kejadian 14.8.2019 itu macam mana Tasha boleh ada di rumah ayah?

A: Masa itu saya telah berhenti sekolah dan saya tidak sempat ambil PT3. Seingat saya masa bulan puasa hari kedua atau ketiga saya pergi rumah ayah, sebelum bulan puasa itu saya ada rancang hendak lari dari rumah nenek, saya hendak lari sebab saya duduk merancang untuk pergi ke rumah kawan hendak cari kerja dan emak saudara saya, saya panggil Cik Su tahu saya hendak lari dari rumah, nenek kemudian telefon ayah saya supaya datang ambil saya dari rumah nenek. Seingat saya ayah datang hari sama iaitu dalam awal bulan puasa itu untuk ambil saya dari rumah nenek dan bawa saya pulang ke Kampung Beris, rumah ayah. Sejak hari tu saya duduk dengan ayah. Sementara itu adik saya dua orang Farhan dan Fadli memang telah tinggal dengan ayah sebelum ini. Masa saya mula-mula sampai rumah ayah saya tidur dekat depan TV, dekat ruang tamu, selepas itu ayah kemaskan bilik belakang dan suruh saya tidur dalam bilik, ayah dan adik- adik tidur di bilik belakang. Maksud saya, saya tidur dalam bilik tempat kejadian iaitu bilik depan. Rumah itu ada dua bilik, satu bilik belakang.

[17] Kini kami berganjak pula pada kejadian di dalam Rayuan Jenayah MR No: T-09–192–08 Tahun 2023 (luar tabii) dan Rayuan Jenayah MR No: T-09–193–08 Tahun 2023 (rogol) di mana bagi kedua-dua kesalahan ini ianya berlaku pada 26 November 2019 jam lebih kurang dua petang di rumah yang sama.

[18] Bagi kedua-dua kesalahan ini, keterangan mangsa adalah seperti berikut:

Q: Apa berlaku pada 26.11.2019?

A: Masa itu waktu siang, lebih kurang waktu pagi, saya hendak melarikan diri balik ke rumah nenek di Kijal, Kemaman. Masa itu saya keluar dari rumah tok belah ayah, saya tidak tahu nama dia saya panggil Tok, dan saya jalan kaki untuk balik ke Kijal. Selepas itu masa tengah jalan kaki terjumpa orang kampung, orang kampung

A tanya hendak pergi mana, saya beritahu dia saya hendak pergi jogging. Saya tidak tahu nama dia. Selepas dia tanya saya jogging apa, sebab saya saya pakai selipar. Saya terus sahaja berjalan dan orang itu pun tinggalkan saya. Saya jalan terus dan jumpa kereta, kereta itu melepasi saya ke depan tetapi berpatah balik, sebab mula-mula dia ingat saya hantu. Pemandu kereta itu perempuan, saya tidak kenal dia dan tidak B tahu nama dia. Saya minta dia untuk hantar saya ke Kuala Berang tetapi dia tidak hantar saya sebab emak dia sakit. Saya naik kereta itu dan pemandu kereta itu hantar saya ke rumah sepupu dia dekat Kampung Beris itu juga. Dalam kereta itu saya ada berbual dengan pemandu kereta itu dan dia ada tanya pada saya hendak pergi ke mana. Saya beritahu hendak balik ke Kemaman, saya beritahu saya hendak balik C rumah nenek. Tasha ada beritahu dia yang Tasha adalah cucu Tok Tih, Tok Tih itu ialah Tok belah ayah. Dia kenal Tok Tih. Dia tinggalkan Tasha dekat rumah sepupu dia. Kemudian pemandu kereta itu pergi ke rumah pak saudara saya, sebelah ayah nama saya tidak ingat, kemudian isteri pak saudara itu pergi ke rumah sepupu pemandu kereta itu, dan jumpa saya di rumah itu. Saya pun tidak tahu isteri pak saudara itu nama apa. Saya tidak tahu nama mereka tetapi saya kenal mereka D saudara saya.

Masa di rumah itu emak saudara sebelah ayah marah pada Tasha sebab Tasha beritahu Tasha hendak balik Kemaman, Selepas itu dia marah. Dia suruh Tasha balik ke rumah Tok atau rumah ayah, tetapi Tasha tidak dengar cakap dia. Kemudian di situ, bila Tasha tidak dengar cakap dia, dia telefon ayah. Selepas itu E dalam tengahari, ayah datang ambil Tasha di rumah itu. Ayah bawa balik saya ke rumah ayah di Kampung Beris. Sehari sebelum itu, dalam 25.11.2019, saya ada beritahu pada ayah saya hendak tidur rumah Tok, tetapi Tok tak bagi saya tidur di rumahnya, jadi malam itu saya tidur di rumah emak saudara sebelah rumah Tok, dekat situ juga. Emak saudara ini saya panggil Tok Su. Maksud saya waktu, pagi F 26.11.2019 itu saya keluar dari rumah Tok ini.

Masa dalam perjalanan tengahari 26.11.2019, dengan ayah dalam kereta, untuk balik rumah ayah, ayah ada tanya pada saya hendak pergi mana, saya beritahu saya hendak balik ke Kemaman. Masa itu ayah suruh saya kemaskan baju sebab dia kata susahkan orang hendak buat kerja, saya faham bila saya lari dari rumah saya G susahkan dia, dia hendak kerja.

Bila sampai di rumah, saya kemaskan baju-baju saya untuk balik rumah di Kijal, Kemaman. Saya kemaskan baju-baju saya dalam bilik depan, tempat kejadian pertama. Ayah lakukan perkara yang sama kepada saya dalam bilik itu. Seingat saya lebih kurang dalam pukul 2.00 petang, sampai di rumah ayah, Tasha masuk dalam H bilik depan lepas itu ayah pun melakukan perkara yang sama kepada saya dalam bilik itu. Masa itu tidak ada orang di rumah, adik-adik saya pergi main dekat sungai masa itu. Dalam rumah ada Tasha dan ayah sahaja. Masa itu saya masuk bilik hendak kemas baju, dan ayah buat perkara yang sama.

Q: Beritahu semula apa berlaku dalam bilik selepas kamu masuk hendak kemas I baju?

A: Mula ayah masuk dalam bilik, ayah buat benda yang sama. Tasha masa itu ingat hendak kemas baju hendak balik Kemaman, Masa itu ayah berpakaian baju kerja, ayah pakai baju t-shirt dan seluar jeans, saya dalam bilik saya duduk atas tilam tengah lipat kain, saya sedar ayah masuk, biasanya ayah masuk dalam bilik itu untuk

ambil barang, saya sedar ayah masuk. Ayah datang dekat pada saya, masa itu saya masih duduk atas tilam hendak lipat baju, Saya pakai baju t-shirt dan berseluar jeans, saya juga pakai baju dalam/coli dan seluar dalam. Kemudian ayah suruh Tasha baring, baring di atas tilam. Saya ikut sahaja dan saya baring atas tilam. Kemudian ayah gosok paha saya dengan tangannya, dengan satu tangan saya tidak pasti tangan mana, Ayah masukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya. Mula ayah gosok atas seluar saya, lepas itu ayah buka seluar saya, Ayah buka seluar saya sampai di bawah lutut, kemudian ayah buang seluar dia buka seluar jeans dia hingga ke lutut dia, londehkan seluar dia, dia masukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya. Masa ayah buka seluar jeans saya, ayah juga tarik sekali seluar dalam saya. Masa ayah buka seluar dia itu saya boleh nampak kemaluan ayah. Ayah tidak buka baju dia, saya pun masih pakai baju. Selepas ayah buka seluar dia itu, ayah baring atas badan Tasha, masa itu kaki saya terbuka (saksi tunjuk dengan anak patung — keadaan seluar tercabut hingga ke lutut dan patung satu lagi terbaring atas badan patung di bawahnya). Masa itu tangan ayah berada di sisi kiri dan kanan badan Tasha. Kedua–dua tangan Tasha ada atas tilam. Kemudian ayah tolak kemaluan dia dalam kemaluan saya. Saya tahu kemaluan ayah yang ditolak masuk dalam kemaluan saya sebab saya rasa, masa itu saya rasa sakit di kemaluan saya, saya rasa seperti benda keras masuk dalam kemaluan saya. Tasha tidak nampak kemaluan ayah sebab Tasha tutup mata tetapi Tasha rasa. Bila saya rasa sakit saya tutup mata, ayah tolak masuk kemaluan dia dalam kemaluan saya beberapa kali. Kemudian ayah keluarkan kemaluan dia dari kemaluan saya. Kemudian ayah masuk bilik air, terus mandi dan pakai baju seluar dia.

Saya tidak pasti masa itu ada keluar air atau tidak dalam kemaluan saya. Selepas itu Tasha pakai baju dan kemas baju. Maksud saya, saya pakai semula seluar saya dan betulkan baju saya. Masa itu baju saya berpusing sikit pada badan saya dan saya betulkan.

Sekarang saya boleh ingat, pada hari sama itu 26.11.2019, mula-mula ayah masukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya dulu, lepas itu ayah keluarkan, kemudian dia masukkan ke dalam bahagian punggung saya. Selepas ayah keluar kemaluan dia dari kemaluan saya, masa itu ayah suruh saya pusingkan badan saya, dan saya berada dalam kedudukan meniarap (saksi tunjuk dengan anak patung, muka anak patung ke bawah), masa itu muka saya duduk atas bantal, berpusing ke tepi, kedua-dua tangan saya memegang kain di tepi tilam, kain itu saya jahit di tepi tilam sebab tilam itu carik/koyak. Ayah berada di bahagian belakang saya dan dia masukkan kemaluan dia dalam bahagian dalam punggung saya. Masa kedua-dua tangan ayah dalam keadaan menekan atas tilam. Masa itu saya rasa sakit, ayah tolak slow-slow kemaluan dia ke dalam bahagian dalam punggung saya, saya sakit sebab saya rasa benda keras masuk ke dalam bahagian dalam punggung saya. Saya tahu benda keras itu kemaluan ayah. Ayah ulang beberapa kali tolak masuk kemaluannya ke dalam bahagian dalam punggung saya. Masa itu saya tidak cakap apa-apa cuma saya menitiskan air mata, saya menangis sebab saya sakit bahagian dalam punggung saya. Selepas itu saya rasa ayah keluarkan kemaluan dia slow-slow dari punggung saya, dia bangun.

Q: Apa yang berlaku selepas itu?

A: Ayah masuk dalam tandas selepas dia masukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya, kemudian saya nampak ayah pakai tuala dan masuk dalam bilik, masa ini saya

masih atas tilam dan ayah suruh saya pusingkan badan saya. Masa itu kejadian yang kemaluan ayah masuk punggung saya itu berlaku.

Q: Boleh jelaskan apa berlaku Tasha?

A: Lepas ayah masuk kemaluan dia dalam kemaluan saya, ayah pakai seluar dia balik dan keluar dari bilik saya, lepas itu ayah pergi ke bilik belakang dan pakai tuala, saya dengar air dari bilik air saya tidak tahu dia mandi atau tidak. Kemudian saya nampak ayah keluar dari bilik air dengan memakai tuala dan ayah masuk semula dalam bilik saya, masa itu ayah suruh saya meniarap dan masa itu berlaku kejadian ayah memasukkan kemaluan dia dalam bahagian dalam punggung saya.

Q: Apa yang ayah buat dengan tuala yang dipakai sebelum itu?

A: Masa itu ayah masih pakai tuala itu dan dia selak bahagian tengah tuala yang dipakainya, lepas itu dia masukkan kemaluan dia dalam punggung saya. Selepas dia selesai buat perbuatan itu, ayah bangun dan betulkan tuala yang dipakainya dan keluar dari bilik saya. Saya bangun dan memakai seluar saya. Masa ayah masuk semula ke dalam bilik itu dengan memakai tuala, saya masih ada atas tilam, seluar saya masih dekat lutut saya, saya belum betulkan lagi, dan bila saya meniarap seluar itu masih sama di lutut saya.

Q: Selepas ayah masukkan kemaluan dia dalam punggung Tasha, Tasha rasa apa?

A: Saya ada rasa sakit dan pedih.

Q: Bagaimana keadaan pintu bilik masa kemaluan ayah masuk dalam kemaluan Tasha pada tarikh 26.11.2019?

A: Pintu bilik dalam keadaan tertutup. Pintu bilik itu ditutup oleh ayah.

Q: Bila kejadian ayah masukkan kemaluan dia dalam punggung Tasha, bagaimana keadaan pintu?

A: Ayah tutup pintu bilik itu sebab ayah takut adik balik dan tengok.

Q: Agak-agak kamu pukul berapa selesai kejadian itu dan kamu kemas-kemas baju?

A: Dekat-dekat pukul 4.00 petang.

Q: Bila balik ke Kijal, Kemaman dan apa berlaku?

A: Esoknya, 27.11.2019, saya balik ke Kijal Kemaman, ayah hantar saya balik bersama dengan Tok saya, saya panggil Tok Tih ke rumah nenek saya di Kijal, Kemaman. Ayah hantar naik kereta, masa waktu tengahari ayah hantar. Ayah hantar saya sampai rumah nenek di Kijal, dan ayah terus balik, dia tidak naik atas rumah nenek. Saya tidak cerita tentang kejadian ayah buat pada saya pada sesiapa sehinggalah saya balik semula ke Kijal, Kemaman. Masa hari mula-mula balik saya belum cerita lagi, masa 28.11.2019 saya cerita pada nenek dan kemudian nenek cerita pada ibu dan pok saudara sebelah emak saya. Saya takut untuk cerita pada ibu jadi saya cerita sahajalah pada nenek.

Q: Kenapa Tasha tidak cerita masa mula-mula sampai di rumah nenek di Kijal?

A: Saya tidak cerita sebab masa hari itu bila saya sampai rumah nenek, bila ayah saya telah balik, pok saudara dan mok saudara saya yang duduk di Johor dan di Perak ada

balik ke rumah nenek. Masa itu ramai orang jadi saya malu untuk cerita. Saya esoknya boleh cerita pada nenek sebab masa itu saya sakit perut, jadi saya mengadu pada nenek saya sakit perut dan nenek tanya sebab apa sakit perut. Tasya cakap pada nenek 'ayah rogol' saya cakap direct pada nenek tidak henti-henti. Saya beritahu nenek ayah rogol saya, saya beritahu buat berapa kali sehari, buat dua tiga kali dalam sehari dan nenek beritahu ibu dan selepas itu ibu dan emak saudara saya bawa saya ke hospital. Emak saudara yang bawa saya itu nama Nurul Jannah. Mereka bawa saya ke Hospital Kemaman. Saya pergi Hospital Kemaman 28.11.2019 sebelah petang. Sampai di hospital masuk bilik, bilik apa tidak tahu dan ada doktor, masa itu ibu dan emak saudara ada sekali. Doktor tanya pada ibu pergi buat report atau tidak lagi, dan ibu cakap belum buat report lagi. Saya dengar doktor tanya ibu masa dalam bilik itu, saya duduk atas katil di sebalik/belakang tirai. Saya hanya dengar report sahaja, lain-lain saya tidak dengar.

[19] Menurut mangsa lagi pada 28 November 2019 dia sakit perut dan mula bercerita tentang perbuatan tertuduh terhadap dirinya kepada neneknya. Menurut mangsa dia telah dibawa ke hospital pada petang 28 November 2019 dan pada masa itu dia telah pun memberitahu ibunya (SP8) tentang perbuatan tertuduh yang merogolnya.

[20] Pakar perubatan sakit puan (SP2) Hospital Kemaman yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap mangsa pada 1 Disember 2019 mengesahkan terdapat kesan koyakan pada selaput dara mangsa pada jam tiga, lima, tujuh dan 11. Manakala Pakar Bedah Am Hospital Kemaman (SP3) yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap mangsa pada tarikh yang sama. Hasil pemeriksaan oleh SP3 terhadap bahagian dubur mangsa didapati terdapat kesan luka (*fissure*) pada kedudukan pukul 12 dan pukul lima.

[21] Keterangan SP2 dan SP3 ini telah menguatkan lagi keterangan mangsa bahawa perbuatan rogol dan liwat ini telah berlaku ke atas diri mangsa berdasarkan kepada keterangan dan laporan pegawai perubatan tersebut. Di dalam konteks ini kami bersetuju dengan dapatan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana bila beliau di dalam alasan penghakimannya (kandungan 6 RR Jld 2 di ms 9) mengatakan seperti berikut dan kami petik:

101. Oleh yang demikian mahkamah ini mendapati bahawa dapatan SP2 dan SP3 terhadap pemeriksaan mereka ke atas SP5 adalah selari dan konsisten dengan keterangan SP5. Keterangan SP2 dan SP3 ini menjadi keterangan sokongan kepada keterangan SP5 mengenai perbuatan OKT yang telah merogol dan meliwatnya. Rujukan dibuat kepada kes *Sidek Bin Ludan v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 178 dan *Syed Abu Tahir a/l Mohamad Esmail v Public Prosecutor* [1988] 3MLJ 485 yang mana telah diputuskan bahawa keterangan doktor yang memeriksa mangsa menjadi keterangan sokongan kepada mangsa.

[22] Keterangan mangsa juga turut disokong oleh nenek mangsa (SP6) di mana di dalam keterangannya beliau mengatakan seperti berikut

Saya hadir mahkamah untuk kes bicara Tasha dengan ayah Tasha. Ayah Tasha telah rogol anak dia. Tasha mula tinggal dengan dia sejak sekolah darjah 3 sampai di Tingkatan 3. Ibu Tasha ambil Tasha untuk duduk dengan saya, nama ibu dia Nor Haslimi. Tasha tidak mahu duduk dengan ibu dia, tapi dia hendak duduk dengan saya, neneknya. Ibu dan ayah Tasha telah bercerai, rasanya masa Tasha darjah 3, mereka telah bercerai. Tasha ada 4 orang adik beradik seayah dan seibu. Tasha anak yang sulung. Ibu Tasha tinggal di Kuantan sekarang, dan Mamat ayah Tasha tinggal di Kuala Berang, Kampung Peris.

Saya tidak ingat tarikh, masa itu Tasha tidak bersekolah dah, dia hendak berhenti masa di Tingkatan 3, dia ada beritahu saya yang ayah buat dia, saya kemudian suruh dia ulang lagi, apa benda Tasha, dia jawab ayah buat dia. Saya pun kata cakap dengan ibu sendiri sebab Tasha ada ibu. Masa Tasha beritahu ini di rumah saya. Masa dia cerita perkara ini pada saya, dia balik dari rumah ayah dia di Kuala Berang. Tasha pergi ke rumah ayah dia sebab masa itu ayah dia datang ambil dia dari rumah saya. Saya tidak ingat tarikh atau bulan apa, tapi Tasha sudah tidak bersekolah, dia berhenti di Tingkatan 3.

Masa hari itu saya bangun pagi, anak saya telah buka pintu dapur dan tengok ada beg dekat luar dapur, dan anak saya ambil beg itu, dan saya tahu itu beg Tasha dan ada baju Tasha dalam beg itu. Saya kemudian tanya Tasha, Tasha hendak lari ke, dia diam, kemudian saya tanya kenapa hendak lari, dia kata dia stress, bila dia cakap begitu saya pun diam sahaja. Saya pun tidak tahu hendak buat macam mana, jadi suruh anak saya telefon ayah dia untuk ayah dia ambil dia, sebab itu ayah dia datang ambil dia. Ayah dia datang ambil Tasha bawa balik ke Kampung Peris.

Seingat saya Tasha duduk dengan ayah dia berbulan-bulan di Kampung Peris dan dalam bulan 11, barulah dia hantar balik Tasha ke rumah saya. Ayah Tasha hantar balik Tasya dengan kereta bersama dengan emak dia, nenek Tasha belah ayah. Ayah dia beritahu saya Tasha hendak balik, saya hanya senyap sahaja. Mereka duduk sekejap lepas itu mereka balik.

Masa hari ayah Tasha hantar dia balik ke rumah itu ada emak saudara dia, tidak ramai mana. Dalam dua tiga hari lepas itu Tasha cerita yang ayah dia buat dia. Saya faham bila Tasha cakap macam itu ayah dia telah rogol dia. Masa itu ibu Tasha ada di Kijal tapi tinggal di rumah lain, saya suruh Tasha cerita pada ibu dia, jadi ibu Tasha datang ke rumah saya, dan pada masa itu ada ahli keluarga emak-emak saudara Tasya juga turut ada bersama dan Tasha cerita pada ibu dia di hadapan emak-emak saudara dia ini.

Lepas ibu dia tahu, ibu dia ada buat report polis. Selain itu masa Tasha cerita dia kena rogol oleh ayah dia, Tasha ada cakap dia sakit dalam perut. Tapi saya tidak tahulah, mungkin ibu dia yang bawa dia pergi ke hospital. Saya tidak tahu lepas itu apa yang berlaku pada ayah Tasha.

Saya pernah pergi ke rumah ayah Tasha di Kampung Peris. Rumah dia rumah PPRT. Rumah batu setingkat. Tasha tidak ada cerita di mana tempat berlaku kejadian rogol dalam rumah di Kampung Peris itu.

Tasha tidak cerita lagi apa-apa pada saya selain dia kata ayah dia rogol dia. Tasha tidak beritahu berapa kali ayah dia buat dia.

Saya percaya pada Tasha, sebab dia cucu saya, siapa lagi hendak buat dia, dia duduk dengan ayah dia di Kampung Peris.

[23] Keterangan ibu mangsa (SP8) mengenai perbuatan tertuduh yang merogol mangsa menambahkan lagi keyakinan kami terdapat kebenaran keterangan mangsa terhadap tertuduh. SP8 di dalam keterangannya mengatakan seperti berikut:

Q: Bagaimana tahu tentang anak kamu dirogol?

A: Pada tarikh 1.12.2019 lebih kurang jam 1.10 minit tengahari, anak saya mengadu pada saya yang dia sakit perut masa itu. Saya dan anak saya ada di rumah di Kijal, Kemaman, rumah saya sendiri di alamat PT 3019, Kampung Mentauh. Saya tanya dia kenapa, dia beritahu saya ayah merogolkan dia. Saya terus bawa dia pergi ke Hospital Kemaman, Hospital Kemaman tanya kenapa, dan saya cerita pada doktor itu dan doktor suruh saya buat laporan polis di balai Polis Kemaman.

Masa anak saya mengadu dia sakit perut dan dia beritahu ayah dia rogol dia, yang ada di rumah masa itu kakak saya Norhayati Binti Razali, adik ipar saya Nurul Jannah, ayah saya Razali Bin Osman dan emak saya Hasmah Binti Ghani.

Sehari sebelum anak saya mengadu sakit perut, anak saya dihantar balik ke rumah saya oleh ayah dia. Masa itu dia dihantar balik dari rumah ayah dia di Kuala Berang, Kampung Peris. Masa suami saya hantar anak saya balik, saya nampak, saya ada di rumah masa itu. Saya ada bercakap dengan dia dan saya nampak keadaan dia banyak diam, tidak banyak bercakap, bad mood dan monyok — maksud saya dia bad mood tidak mahu bercakap. Rumah Lot 3019 itu rumah nenek dia, rumah ibu saya, saya tinggal di situ sekali bersama anak sulung saya.

Masa itu saya tanya kenapa keadaan dia seperti itu, tapi dia tidak jawab apa- apa. Dia hanya duduk diam di ruang tamu. Esoknya waktu tengahari, dia masih banyak diam, saya tanya lagi kenapa, dan dia beritahu saya dia sakit perut, saya tanya lagi dia kenapa sakit perut, dan dia kata ayah dia yang buat. Dia cakap ayah dia yang rogol dia sebab itu dia sakit perut. Masa dia beritahu hal ini yang ada bersama saya nenek dia, atuk dia, dan kakak saya dengan adik bongsu Ahmad Riduan. Nurul Jannah pun ada masa itu.

Selepas dia beritahu yang ayah dia rogol dia, saya ada tanya lagi, saya tanya dia dekat mana yang dia buat. Anak saya beritahu dekat rumah ayah dia di rumah PPRT Kampung Peris. Saya ada tanya dia dalam sehari berapa kali ayah dia buat dekat dia, dan dia cakap dalam sehari tiga kali. Dia ada beritahu dalam seminggu tiga kali empat kali ayah dia buat. Dia ada cerita ayah dia buat dekat dia dalam bilik tidur, dia tidak beritahu waktu dia dirogol. Dia ada beritahu kejadian rogol ini berlaku dalam bulan 8. Masa bulan puasa tahun 2019, ayah dia ada telefon pada saya dia hendak balik ambil anak. Saya kata kalau hendak anak mari jer ambil. Suami saya ada datang ambil anak seingat saya dalam tiga hari puasa. Masa itu dia datang ambil anak saya Elyana. Dia beritahu saya hendak puasa sekali dengan anak dia dan hendak raya sekali dengan anak dia.

Lepas dua ke tiga minggu lepas dia ambil Elyana, dia telefon untuk ambil anak yang no. 4, Mohd Firdaus, jadi saya bagi. Dia ada datang ambil Firdaus dari rumah saya

bawa ke rumah dia di Kampung Peris. Anak saya dua orang lagi Farhan dan Fadhli tinggal dengan tok dia belah ayah di Kampung Peris. Saya tidak pasti berapa lama Elyana tinggal dengan ayah dia, yang saya ingat dia balik ke rumah nenek dia masa dihantar oleh ayah dia pada tarikh 26.11.2019. Saya pun ada masa itu di rumah itu. Saya nampak Elyana bad mood, monyok itu pada tarikh 26.11.2019 itu.

Dari tarikh 26.11.2019 hingga 1.12.2019, masa itu keadaan anak saya, dia macam cepat hendak mengamuk bila kita tegur dia. Masa itu dia tidak beritahu apa-apa, pada 1.12.2019 baru dia beritahu dia kena rogol.

Seingat saya masa tarikh 26.11.2019, suami hantar anak saya ke rumah nenek dia dalam waktu tengahari. Sebelum anak saya pergi ke rumah ayah dia, saya tiada masalah dengan anak saya, saya jaga dia okay, dia bercakap dengan saya dan tiada mengamuk, dia happy sahaja. Bila saya dapat tahu daripada Elyana yang ayah dia rogol dia, saya rasa hendak marah dan sakit hati pun ada. Masa kejadian ini umur Elyana lebih kurang 15 tahun. Sebelum ini anak saya pernah sekolah di SMK Kijal, masa dia balik tinggal dengan ayah dia, dia tidak lagi bersekolah, dia cakap dengan saya dia tidak mahu sekolah. Lepas dia balik semula ke rumah nenek dia, dia pun tidak mahu bersekolah.

Saya ada tanya anak saya, saya juga masa dia kata dia kena rogol, kenapa dia tidak beritahu perkara ini awal kepada saya dan dia beritahu dekat saya dia cakap dia takut, dia takut pada ayah dia. Sebelum dia cakap pada saya yang ayah dia rogol dia, saya banyak kali tanya pada dia, kenapa dia macam diam, dan dia tidak jawab apa-apa, lepas tanya semula pada esoknya baru dia beritahu pada saya ayah dia rogol dia, dan masa itu dia kata dia takut pada ayah dia. Dia kata dia takut sebab ayah dia pernah ugut dia. Dia tidak beritahu ugut apa, saya ada tanya tapi dia diam sahaja.

Tujuan saya bawa dia ke hospital sebab anak saya sakit perut. Masa di hospital, anak saya cerita pada doktor yang dia kena rogol dengan ayah dia, masa itu saya ada bersama dia. Jadi terus doktor suruh pergi buat report di balai Polis Kemaman. Masa saya pergi buat laporan polis, Elyana tidak ada bersama sebab dia duduk di Hospital Kemaman dengan doktor dan doktor suruh saya seorang pergi buat report.

Masa di Balai Polis Kemaman, saya cerita pada polis yang anak saya mengadu dia kena rogol oleh ayah kandung dia, polis ada tanya di mana dia ada saya sekarang, dan saya beritahu anak saya ada di Hospital Kemaman. Lepas saya buat report, polis itu terus pergi Hospital Kemaman. Saya ada beritahu dalam laporan polis itu nama ayah kandung dia — saya beritahu nama Ahmad Sukri, saya beritahu kejadian di Kuala Berang, dan saya beritahu polis di Kampung Peris, polis ada minta alamat rumah, saya tidak tahu alamat rumah. Saya ada baca semula laporan polis yang saya buat.

[24] Kami juga mendapati hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah membuat penilaian serta pemerhatiannya mengenai tingkah laku mangsa serta saksi-saksi pendakwaan yang lain secara menyeluruh semasa mereka memberi keterangan yang nyata menyokong dan memperteguhkan lagi keterangan dan kredibiliti mangsa. Ini jelas dihuraikan oleh beliau di dalam alasan penghakimannya (kandungan 8 RR Jld 2 di ms 79 dan 92) seperti berikut:

83. Oleh itu, setelah menilai keseluruhan keterangan yang ada, mahkamah ini menerima keterangan SP5 sebagai seorang saksi yang dipercayai dan kredibel. Mahkamah ini telah melihat, meneliti dan menimbangkan percanggahan yang dibangkitkan dan mendapati percanggahan tersebut tidak material dan menjejaskan kredibiliti SP5. Berdasarkan keseluruhan keterangan SP5 yang dinilai dengan keterangan saksi-saksi lain, mahkamah ini berpuas hati dengan keterangan SP5, termasuk jawapan dan penjelasannya bagi setiap soalan yang berbangkit semasa pemeriksaan balas. Inferens yang timbul dalam setiap fakta yang terbukti adalah memihak kepada kebenaran cerita SP5 bahawa OKT telah merogol SP5 dalam kejadian pertama yang berlaku 14 Ogos 2019 dan dalam kejadian terakhir OKT telah merogol dan meliwat SP5 pada 26 November 2019 di tempat kejadian dan pada masa seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan pindaan tersebut.

103. Oleh itu, setelah mahkamah ini membuat penilaian maksimum ke atas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan termasuklah kredibiliti dan realibiliti saksi-saksi pendakwaan, serta isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam, mahkamah ini telah memutuskan di akhir kes pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap OKT bagi kesemua pertuduhan pindaan yang dikenakan ke atasnya. OKT dipanggil untuk membela dirinya atas semua pertuduhan tersebut bagi ketiga-tiga kes.

[25] Setelah meneliti alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ini dengan teliti, kami mendapat tiada asas untuk kami campurtangan atau mengganggu dapatan fakta yang telah dibuat oleh beliau.

[26] Di dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 (TAB 1), Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti berikut:

The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the appeal court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

In the instant case the learned trial judge very carefully analysed all the available evidence before him and made specific findings of fact founded upon that which he believed to be the truth. He also drew certain inferences from facts specifically found. In this respect we may form our independent view but we should only do so where the fact upon which the inference was drawn was either unwarranted or manifestly against the weight of evidence. That was not the case here.

[27] Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are

substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

[28] Mengenai kes pembelaan pula, peguam tertuduh mengatakan bahawa kejadian rogol yang dikatakan berlaku pada 14 Ogos 2019 jam lebih kurang 12 tengahari tidak wujud dan hanya merupakan rekaan mangsa sahaja.

[29] Di peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah membebaskan dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan ini. Alasan yang diberikan oleh beliau terdapat di dalam kandungan 5 RR Jld 1 di ms 16–20 di mana beliau menyatakan seperti berikut:

> 12. Perayu memilih memberi keterangan secara bersumpah dan mengemukakan tiga saksi iaitu ibunya (SD2), bapa saudara (SD3) dan anaknya (SD4).
>
> 13. Perayu menafikan berada di tempat kejadian dan melakukan perbuatan-perbuatan itu pada masa dan tarikh tersebut. Dia juga telah mengemukakan pembelaan alibi yang disokong oleh SD2 dan SD3. Perayu mendakwa mangsa mempunyai hubungan kekasih dengan seorang Bangladesh dan SP8 telah memfitnahnya. SD4 mengatakan pada 14 Ogos 2019 jam 12 tengah hari beliau ada di tempat kejadian dan tidak berlaku kejadian rogol.
>
> 17. Berkaitan dengan kejadian rogol pada 14 Ogos 2019 jam lebih kurang 12 tengah hari, peguambela perayu berhujah pada masa kejadian adik mangsa iaitu Ahmad Farhan bin Ahmad Sukri (SD4) dan seorang lagi adik lelakinya turut berada di rumah pada masa itu. Keterangan ini diakui sendiri oleh mangsa dan pegawai penyiasat, SP7. Di peringkat pembelaan SD4 telah dipanggil oleh perayu sebagai saksi pembelaan dan mengesahkan pada hari dan waktu itu beliau ada di rumah bersama adik lelakinya dan tidak berlaku kejadian rogol tersebut. SD4 mengesahkan pada tarikh dan masa tersebut perayu ada memarahi mangsa kerana mencukur bulu kening.
>
> 18. Fakta ini diakui sendiri oleh mangsa semasa memberikan keterangan di peringkat kes pendakwaan.
>
> 19. Mahkamah telah meneliti rekod rayuan Jld 2A dan mendapati SD4 dan adik lelakinya ini tidak pernah dipanggil dan ditawarkan kepada pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan. Mahkamah berpendapat SD4 dan adiknya adalah saksi yang material kerana mereka berada di tempat kejadian pada masa dan tarikh berlakunya kejadian. Saksi-saksi ini boleh mengesahkan sama ada kejadian rogol tersebut benar-benar berlaku atau tidak pada waktu tengah hari tersebut. Kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil dan atau menawarkan SD4 dan adiknya kepada pihak pembelaan telah mewujudkan suatu kelompangan dalam kes pendakwaan sama ada kejadian rogol tersebut benar-benar berlaku.
>
> 22. SD4 dan adiknya berada di tempat kejadian pada masa kejadian dan oleh itu pihak polis tentunya telah merekodkan pernyataan saksi-saksi ini. Jika benar SD4 telah berbohong semasa memberikan keterangan, pihak pendakwa boleh sahaja mencabar kebolehpercayaan keterangan SD4 tetapi tindakan ini tidak diambil oleh pihak pendakwaaan.
>
> 1. Setelah meneliti gambar rumah tempat kejadian, P1(a-i) dan rajah kasar, P12

mahkamah dapati ianya sebuah rumah yang sangat kecil. Jika SD4 dan adiknya berada di rumah itu pada hari kejadian sudah pasti mereka dapat menceritakan kejadian yang sebenar berlaku. Sekurang-kurangnya mereka boleh mengatakan ada melihat perayu masuk ke dalam bilik dalam tempoh tertentu atau setidak-tidaknya mengatakan kami tidak tahu atau tidak ingat apa yang berlaku pada masa dan tarikh kejadian. Sekurang-kurangnya mahkamah masih boleh menerima dan mempercayai keterangan mangsa tetapi sebaliknya SD4 memberikan keterangan yang bertentangan dengan keterangan mangsa menafikan perayu telah merogol mangsa jam 12 tengah hari pada 14 Ogos 2019.

24. Di perenggan 29 penghakimannya, HMS telah menghuraikan satu persatu secara terperinci keterangan mangsa tentang apa yang berlaku di dalam bilik semasa perayu merogolnya. lanya sudah tentu akan mengambil masa sebelum perayu merogol mangsa. Harus dingat perbuatan ini bukan perbuatan mencabul di mana kejadian boleh berlaku dalam masa satu ke dua minit sahaja. Jika benar seperti yang didakwa oleh mangsa dan berdasarkan saiz dan bentuk rumah itu sudah tentu SD4 dan adik lelakinya akan mengetahui perlakuan jenayah yang dilakukan oleh perayu terhadap mangsa kerana mereka berada dalam rumah itu pada masa itu.

25. Berdasarkan kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263, walaupun mahkamah tidak percaya dengan kes pihak pembelaan, keterangan perayu dan saksi-saksinya telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah keatas kes pihak pendakwaan. Oleh itu mahkamah telah membenarkan rayuan perayu untuk kes TA-42JSKS-9–07 Tahun 2022. Perayu telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Sabitan dan hukuman diketepikan.

[30] Tertuduh di dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

Q: Pada 14.8.2019 ada atau tidak awak masuk bilik Tasya?

A: Saya memang tidak ada masuk dalam bilik dia. Pintu bilik dia berkunci dan kunci berfungsi dengan baik. Pada 14.8.2019 bila dia masuk bilik dia terus kunci bilik — kunci pintu kunci tombol pakai tekan. Selepas makan tengahari pada 14.8.2019 dia masuk bilik dia dan dia terus kunci pintu. Saya tidak ada sentuh Tasya pada bila-bila masa pada 14.8.2019.

[31] Di sebaliknya pula, mangsa di dalam keterangannya mengatakan bahawa semasa kejadian itu bilik tidak berkunci semasa kejadian. Keterangan SP5 bahawa pintu bilik itu rosak semasa pemeriksaan balas tidak dicabar oleh peguam tertuduh. Mangsa menjelaskan seperti berikut:

Q: Rujuk P1, muka surat 4 katan A, gambar B, setuju pintu bilik ini boleh dikunci?

A: Pintu ini tidak boleh dikunci, tekan dia rosak.

Q: Jadi kamu boleh kunci pintu ini dari dalam jika tidak mahu diganggu oleh adik-adik?

A: Pintu ini boleh ditutup rapat, saya boleh letak baju berat-berat untuk bagi pintu tidak boleh dibuka oleh adik dari luar. Kunci pintu ini memang rosak.

[32] SD3 pula adalah bapa saudara kepada tertuduh yang menjalankan perniagaan kedai kopi. SD3 di dalam keterangannya mengatakan seperti berikut:

> Q: Pada 14.8.2019, jam lebih kurang 12.00 tengahari Pok Long buat apa?
>
> A: Masa itu Pok Long duduk berehat di kedai sampai main dam. Mohd Sukri mari ke kedai dia balik menoreh. Dia mari dalam pukul 10 minit sebelum pukul 12.00. Dia makan mee cawan segera, letak air panas, dia kata dia lapar. Dia minum air coca cola. Dia balik dari kedai jam 1.00 tengahari, pasal zohor dia hendak balik sembahyang.

[33] Di sebaliknya pula, tertuduh di dalam keterangannya sebelum ini mengatakan bahawa sebelum jam 12 tengahari dia masih ada di kebun dan dia balik dalam jam 12 tengahari dan berada di kedai SD3 sehingga 12.30 tengahari dan setelah itu tertuduh balik ke rumahnya. Berpandukan kepada keterangan tertuduh ini jelas membuktikan bahawa sebelum jam satu tengahari tertuduh telah berada di rumahnya. Malah SD3 juga semasa sesi pemeriksaan balas mengatakan bahawa beliau tidak ingat tarikh dan tidak boleh menyatakan secara sahih samada pada 14 Ogos 2019 jam 12 tengahari tertuduh berada di kedainya. Pencanggahan material yang wujud di dalam keterangan ini menyukarkan kami untuk mempercayai kebenarannya.

[34] SD4 pula adalah anak tertuduh. SD4 di dalam keterangannya mengatakan seperti berikut:

> Q: Pada 14.8.2019, lebih kurang 12.00 tengahari di rumah kamu apa yang berlaku masa itu?
>
> A: Masa itu tengok TV dengan adik, Tasya duduk dalam bilik. Pukul 1.00 ayah balik, dari kedai Pok Long. Ayah keluar kerja, pagi pukul 7.00. Ayah balik pukul 1.00 dia masak, masa ayah masak Tasya duduk dalam bilik. Ayah nampak dia cukur bulu kening.
>
> Q: Lepas ayah nampak cukur bulu kening itu apa berlaku? A: Ayah marah.

[35] Dengan kata lain, SD4 mengesahkan bahawa beliau, mangsa dan tertuduh berada di dalam rumah tersebut (di tempat kejadian) pada 14 Ogos 2019. SD4 juga mengatakan bahawa semasa itu dia tengah fokus tengok TV maka apa yang berlaku dalam bilik kakaknya dia tidak tahu.

[36] Daripada keterangan tertuduh, SD3, SD4 dan mangsa, nyata membuktikan tertuduh berada di rumahnya sekitar jam 12 tengahari 14 Ogos 2019. Pintu bilik mangsa tidak berkunci pada masa itu dan apa yang sebenarnya berlaku ialah tertuduh telah pergi ke bilik mangsa lalu masuk ke dalam bilik tersebut dan kemudiannya merogol mangsa. SD4 yang sedang

fokus melihat TV tidak mengetahui apa yang berlaku antara tertuduh dan mangsa di dalam bilik tersebut.

[37] Alasan yang diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana bahawa jika perbuatan rogol ini hendak dilakukan ianya akan mengambil masa dan tidak mungkin SD4 dan adik lelakinya tidak mengetahui perlakuan jenayah yang dilakukan oleh perayu terhadap mangsa kerana mereka juga berada dalam rumah pada masa itu, amat sukar untuk dipertahankan.

[38] Pada hemat kami, meski pun tertuduh menyedari bahawa SD4 dan adik lelakinya juga berada di dalam rumah tersebut namun kehadiran mereka berdua di bahagian ruang tamu rumah tersebut bukan menjadi penghalang kepada tertuduh untuk mencuri kesempatan bagi memuaskan nafsunya terhadap mangsa di dalam bilik tersebut. Perbuatan rogol ini boleh berlaku dengan cepat dan di dalam beberapa minit sahaja jika nafsu yang buas sudah tidak dapat dikawal lagi.

[39] Berdasarkan di atas alasan-alasan di atas kami sebulat suara mendapati pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kejadian rogol yang berlaku pada 14 Ogos 2019. Dengan itu, kami mengenepikan perintah Mahkamah Tinggi membebaskan dan melepaskan tertuduh di atas kejadian rogol tersebut.

[40] Bagi kejadian rogol dan luar tabii yang berlaku pada 26 November 2019 pula, kami mendapati pembelaan tertuduh hanyalah suatu penafian kosong dan pemikiran terkemudian sahaja. Kami bersetuju dengan dapatan bersama yang dibuat oleh mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi bila mereka memutuskan bahawa bagi kedua-dua kesalahan ini pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan.

[41] Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di dalam ulasan penghakimannya berkaitan kedua-kedua kesalahan ini menyatakan seperti berikut:

> 26. Berkaitan dengan kes TA-42JSKS-8–07 Tahun 2022 dan TA-42JSKS-7–07 Tahun 2020 mahkamah telah meneliti rekod rayuan dan berpuas hati dengan dapatan HMS bahawa elemen hubungan seks dan kemasukan zakar telah dibuktikan melalui keterangan mangsa dan disokong oleh keterangan pakar-pakar perubatan iaitu SP2 dan SP3. SP2 telah menjelaskan terdapat kesan koyakan lama pada kemaluan mangsa yang disebabkan oleh kemasukan zakar lelaki manakala SP3 mengatakan mangsa telah mengalami buasir akibat dari kesan liwat. Selain daripada itu mangsa telah menceritakan mengenai kejadian ini kepada SP6, SP8 dan SP7. Kesemua keterangan ini merupakan keterangan sokongan, *Suharman bin Mohamad Noor @ Ismail v Public Prosecutor and another appeal* [2020] MLJU

A 2258; [2020] 1 LNS 2062. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan sokongan ini HMS merumuskan mangsa adalah seorang saksi yang jujur dan memilih untuk mempercayai mangsa.

B 27. Perayu mendakwa keterangan dan versi pendakwaan telah bercanggah di peringkat kes pihak pendakwaan. Peguam mengatakan di antara lain kejadian rogol dan liwat tidak berlaku pada 26 November 2019 kerana mangsa mengatakan di peringkat pemeriksaan balas beliau balik kerumah SP6 pada 26 November 2019. Oleh itu perayu telah mempersoalkan kredibiliti mangsa sama ada kejadian-kejadian tersebut benar-benar berlaku kerana terdapat percanggahan dalam keterangan yang diberikan oleh mangsa.

C 28. Mahkamah dapati HMS dalam penghakimannya di perenggan 72 hingga 83 telah menjelaskan berkenaan percanggahan-percanggahan kecil dan merumuskan ianya adalah percanggahan-percanggahan kecil yang tidak menggangu gugat kredibiliti mangsa.

D 29. Berkaitan dengan tarikh mangsa balik kerumah SP6 mahkamah telah meneliti RR dan mendapati mangsa telah memperbetulkan keterangannya di peringkat pemeriksaan semula dan mengatakan tarikh sebenar beliau pulang kerumah SP6 ialah pada 27 November 2019 bukan 26 November 2019 dan kejadian rogol dan liwat itu berlaku pada 26 November 2019. HMS sendiri telah menyentuh
E keterangan ini dengan terperinci dalam alasan penghakimannya di perenggan 72 hingga 80.

30. Mahkamah berpuashati HMS telah menggunakan 'sufficient judicial appreciation of evidence in assessing, weighing and accepting the evidence', *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004]
F CLJ 309 (MP). Dalam kes *Md Zainuddin bin Raujan v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 773; [2013] 4 CLJ 21 Mahkamah Persekutuan memutuskan percanggahan kecil yang tidak material dalam keterangan saksi tidak akan menjejaskan krebiliti seseorang saksi justeru keterangan mangsa mencukupi untuk membuktikan elemen-elemen dalam pertuduhan.

G 31. Perayu mengatakan HMS telah khilaf apabila mensabitkan perayu tanpa menimbang fakta bahawa pembelaan alibi itu disokong oleh saksi-saksi perayu.

32. Di perenggan 108 sehingga 129 penghakimannya HMS telah secara terperinci merujuk dan menganalisa keterangan saksi-saksi perayu dan memutuskan untuk
H tidak mempercayai keterangan alibi pembelaan kerana terdapat percanggahan material di antara keterangan perayu dengan SD3, SD4 dan mangsa. Oleh itu mahkamah berpendapat dapatan hakim bicara untuk tidak mempercayai pembelaan alibi oleh perayu dan saksi-saksinya disebabkan oleh percanggahan yang material menyebabkan perayu gagal untuk melepaskan beban bukti menurut s 103
I Akta Keterangan 1950, *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692.

33. Oleh itu mahkamah dapati sabitan untuk kes TA-42JSKS-8–07 Tahun 2022 dan TA-42JSKS-7–07 Tahun 2022 adalah selamat.

[42] Kami bersetuju dengan dapatan yang dibuat ini dan tidak akan mengganggunya. A

KESIMPULAN

[43] Setelah kami mempertimbangkan penghujahan bertulis dan juga penghujahan lisan kedua-dua pihak, kami mendapati bahawa tiada merit dalam rayuan tertuduh terhadap sabitan bagi kedua-dua kejadian yang berlaku pada 26 November 2019. Kami sebulat suara mendapati bahawa sabitan adalah selamat. B C

[44] Bagi kedua-dua rayuan tersebut, terdapatnya dapatan yang 'concurrent' oleh mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi berhubung dapatan fakta dan dapatan undang-undang. Tiada kekhilafan berhubung dapatan-dapatan tersebut. Selain itu, kami juga mendapati dapatan Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen adalah selaras dengan keterangan yang telah dikemukakan. D

[45] Di dalam mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mempercayai keterangan mangsa dan mendapati mangsa adalah seorang saksi yang boleh dipercayai serta kredibel dan keterangan mangsa telah disokong oleh keterangan perubatan dan saksi-saksi sokongan yang lain. E

[46] Kami juga mendapati percanggahan yang wujud di antara saksi-saksi pihak pendakwaan adalah sesuatu yang tidak material sama sekali dan hanyalah merupakan percanggahan-percanggahan biasa yang berlaku di dalam mana-mana kes pendakwaan, namun ini tidak menggugat keterangan substantif pihak pendakwaan berhubung dengan pertuduhan. F G

[47] Oleh itu, kami mendapati bahawa sabitan terhadap tertuduh bagi kedua-dua pertuduhan ini adalah selamat. Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana tidak terkhilaf bila beliau mengesahkan sabitan ke atas tertuduh bagi kedua-dua kesalahan ini. Justeru itu, rayuan oleh tertuduh terhadap sabitan ditolak. Sabitan disahkan dan dikekalkan. H

[48] Berhubung rayuan pihak pendakwa raya di atas pembebasan dan pelepasan tertuduh bagi kejadian rogol yang berlaku pada 14 Ogos 2019, kami mendapati terdapat merit di dalam rayuan ini. Menurut peguam tertuduh, SD4 telah memberi keterangan bahawa ayahnya iaitu tertuduh berada di luar bilik (iaitu di pintu) semasa memarahi mangsa. Atas alasan tersebut, peguam tertuduh menghujahkan (hujah ini diterima di Mahkamah Tinggi) bahawa kegagalan untuk mencabar kebolehpercayaan (*impeach*) keterangan SD4 ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah. I

[49] Dengan hormatnya kami tidak bersetuju dengan dapatan tersebut. Pada hemat kami, tiada keperluan untuk pihak pendakwaan mencabar kebolehpercayaan keterangan SD4. Ini adalah kerana mengikut SD4 semasa tertuduh memarahi mangsa kerana mencukur keningnya, mangsa ketika itu berada di dalam biliknya. SD4 mengesahkan bahawa selepas itu SD4 fokus melihat TV dan tidak tahu apa yang berlaku di dalam bilik mangsa. Mengikut mangsa pula, tertuduh kemudiannya telah masuk ke dalam bilik mangsa yang tidak berkunci lalu merogolnya. Sehubungan dengan itu juga kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil atau menawarkan SD4 dan adiknya kepada pihak pembelaan tidak mewujudkan apa-apa kelompangan di dalam kes pendakwaan mengenai kesahihan kejadian rogol ini.

[50] Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana juga telah membuat andaian bahawa tidak mungkin berlakunya kejadian rogol dalam bilik tersebut kerana SD4 juga berada di dalam rumah itu. Kami mendapati andaian yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi tersebut adalah suatu kekhilafan. Dalam keadaan di mana keteguhan kredibiliti mangsa diterima dan disahkan oleh Mahkamah Tinggi, kami dapati tiada alasan kukuh yang diberikan bagaimana Mahkamah Tinggi kini boleh mempercayai pula keterangan lemah SD4 dan menyimpulkan tiada kesalahan rogol yang terjadi.

[51] Oleh itu, kami membenarkan rayuan pendakwa raya dan mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan dan melepaskan tertuduh bagi pertuduhan ini. Sabitan adalah selamat.

HUKUMAN

[52] Beralih kepada rayuan terhadap hukuman pula, secara prinsipnya, mahkamah di peringkat rayuan jarang sekali campurtangan atau mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara melainkan terdapat alasan-alasan yang kukuh dan mendesak untuk berbuat demikian.

[53] Di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah Ag LP menyatakan seperti berikut:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country

to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson* [1952] AC 525, 549). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore, sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

[54] Di dalam kes *Pendakwa Raya v Prabu A/L Veeramuthu and Others* [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257; [2010] 1 LNS 695, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Hasan Lah HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

[11] In an appeal against sentence an appellate court would not disturb the sentence imposed unless the trial court had erred in applying the correct principles of sentencing or had embarked on some unauthorized or extraneous exercise of discretion (see *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 244; [2000] 3 CLJ 302 ; *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 and *Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592.

[55] Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain* [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Azahar Mohamed HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu. Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah didalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 dan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457.

[56] Di dalam kes *Kesavan a/l Baskaran v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ

384, Gopal Sri Ram HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> [7] Generally speaking, a plea of guilt is a strong mitigating circumstance operating in favour of an accused. However, there may be cases where the offence committed is so serious and the circumstances in which it was committed so heinous that a plea of guilt need be given little or no weight. The need to protect the public is another factor that may prevail over a plea of guilt.
>
> In this context we find it sufficient to refer to the decision of the Criminal Division of the English Court of Appeal in *R v Costen* (1989) 11 Cr App R (S) 182 at p 184 where Lord Lane LCJ said:
>
> > But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.
>
> [9] Lastly, in *Fu Foo Tong v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 448, Karthigesu JA when delivering the judgment of the Singapore Court of Appeal expressed views with which we are entirely in agreement:
>
> > It is not axiomatic that every plea of guilty 'entitles', as it was contended by counsel to a discount of between one-quarter to one-third of what might otherwise be considered an appropriate sentence after a trial. A plea of guilt can be of no mitigating value, for example, when the evidence overwhelmingly supports a conviction. As Chan Sek Keong J (as he then was) said in *Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 321 (cited with approval by this court in *Public Prosecutor v Lee Meow Sim Jenny* [1993] 3 SLR 885).
>
> ... the voluntary surrender by an offender and a plea of guilty by him in court are factors that can be taken into account in mitigation as they may be evidence of remorse and a willingness to accept punishment for his wrongdoing. However, I think that their relevance and the weight to be placed on them must depend on the circumstances of each case. I do not see any mitigation value in a robber surrendering to the police after he is surrounded and has no means of escape, or much mitigation value in a professional man turning himself in the face of absolute knowledge that the game is up.

[57] Di dalam kes *Tuan Mat bin Tuan Lonik v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Suriyadi Halim Omar HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [20] The appellant here had pleaded guilty to all the despicable offences committed during those years, when the stepdaughter was his ward. Even though a plea of guilt is a mitigating factor and some credit or discount is normally given, not all pleas of guilt may be accorded that privilege. A court has the discretion not to entertain such discounts (*Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 ; *Melvani v Public Prosecutor* [1971] 1 MLJ 137; *Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1

MLJ 74; [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ Rep 447; *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45). It is widely known that incest statistically appears to be on the rise, with the victim getting younger by the day, as reported daily by the local media. And no amount of consensual defence will be accepted, be it on ground of religion, morality, or law. With the facts as they were, let alone public interest demands a retributive and deterrent sentence, discounts are not appropriate here (*Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181; [1998] 2 CLJ 370; *Public Prosecutor v Dato' Nallakaruppan Solaimalai* [1999] MLJU 74; [1999] 2 CLJ 596).

[21] The appellant is the authority in the household, and every member of the family would inevitably look up to him, not only for guidance, but also protection. Unfortunately, the trust was betrayed when he took advantage of his power of strength by regularly forcing himself on the victim. In *Datuk Haji Harun bin Hj Idris & Ors v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 240 the status of the prisoner was taken into account when the former Menteri Besar of Selangor, who had been convicted of the offences of forgery and conspiracy to commit criminal breach of trust, was treated to a more severe sentence. When imposing a higher sentence against the former Menteri Besar as compared to the co-accused, Wan Suleiman FJ had stated:

> We are of the opinion that he was the principal actor in this drama. But for him and his support for the big fight, these crimes might not have been committed and his co-accused who look up to him and were loyal to him might not have got into trouble ... in view of ... the need for people in public life to show a good example to those below them and of the serious breach of trust placed in him by the members of the bank who were poor people from rural areas who have a right to expect their leaders not to touch a penny of money entrusted to his care, we are of the opinion that this appellant should serve a longer period in prison than the second ...

[23] Here, where there is a need for each and every rape to be punished, let alone if the sentence of the second charge were not ordered to run consecutively with the first charge, the appellant in no time would be back on the street, not only free to terrorise his family members but also exact revenge on the wife who lodged the police report against him.

[24] An appellate court will not be overly ready to interfere with any sentence imposed by the trial court unless there are very good reasons to do so.

[58] Kes-kes yang melibatkan jenayah seksual adalah suatu kesalahan yang sangat keji dan memalukan. Tambahan lagi jika ianya melibatkan kesalahan sumbang mahram seperti di dalam kes ini di mana mangsa yang tidak terdaya untuk melawan terpaksa akur dan akhirnya menjadi korban nafsu serakah ayah kandungnya sendiri. Kami merasa hairan bagaimana tertuduh (yang kini berusia 51 tahun) tergamak merogol anaknya sendiri yang pada masa kejadian itu baru berusia 15 tahun satu bulan.

[59] Amanah yang diberikan kepada tertuduh untuk menyayangi,

membimbing dan menjaga keselamatan anak gadisnya telah dimungkiri. Seorang ayah diibaratkan sebagai payung besar yang memayungi dan melindungi anak-anaknya dari disimbahi terik matahari dan air hujan yang membasahi, tetapi malangnya tertuduh telah bertindak mengkhianati kepercayaan mutlak yang diberikan kepadanya selama ini.

[60] Perbuatan jelik tertuduh ini tidak ubah bagai 'haruan makan anak' dan seperti 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Peribahasa indah yang cipta oleh nenek moyang kita ini membawa maksud yang sama seperti mengharapkan kucing menjaga ikan, mengharapkan monyet menjaga pisang dan meminta kambing menjaga tanaman sirih. Jika percaya kepada haiwan-haiwan ini untuk menjaganya, tunggulah akibatnya, nescaya binasal Inilah episod pilu yang berlaku di dalam kes ini. Kepercayaan dan harapan menggunung yang diletakkan di atas bahu seorang ayah untuk menjaga dan memelihara anak perempuannya berakhir dengan ayahnya sendiri yang merosakkannya. Di manakah letaknya sifat kasih sayang, ehsan, kewarasan dan perikemanusian seorang ayah kepada anak gadisnya sendiri.

[61] Penyesalan dan keinsafan yang dizahirkan oleh tertuduh di atas ketelanjurannya sudah tidak mempunyai apa-apa nilai berharga lagi. Nasi sudah menjadi bubur, sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna lagi. Pastinya kejadian rogol dan luar tabii yang berlaku ke diri mangsa ini bukan sahaja boleh menjejaskan pertumbuhan fizikal dan kesejahteraan mental mangsa itu sendiri seperti hilang keyakinan diri, tidak percaya dengan orang lain, timbul rasa malu dan hina di samping marah tetapi ianya juga boleh mengundang pelbagai tekanan dan kesan-kesan negatif lain yang kadang-kadang terlalu sukar untuk ditangani. Bukankah trajedi buruk ini sudah mencatatkan satu titik hitam dalam kehidupan mangsa yang baru mengenal dunia?

[62] Justeru itu, kesan rogol ini perlu di pandang serius oleh mahkamah. Kanak-kanak di negara ini perlu dilindungi dari segala bentuk eksplotasi seksual kerana mereka seringkali menjadi objek pemuas nafsu dan sasaran mudah untuk pelaku-pelaku memenuhi desakan naluri seksual mereka. Oleh itu hukuman berat berbentuk pencegahan perlu dikenakan sebagai amaran keras dan pengajaran kepada tertuduh dan juga kepada mereka yang kepingin untuk melakukan kesalahan sebegini.

[63] Di dalam kes *Ong Lai Kim v Public Prosecutor and other appeals* [1991] 3 MLJ 111, Zakaria Yatim H (beliau pada ketika itu) mengatakan seperti seperti berikut:

> The offence of rape is rampant in this country. The court will be failing in his duty if it does not impose a deterrent sentence in this case. The punishment must not only deter others from committing a similar offence in the future but it must also

deter others from committing such an offence. The punishment Inflicted for grave offence including the crime of rape should adequately reflect the revulsion felt by the great majority of society.

[64] Di dalam kes *Public Prosecutor v William Ayau* [2005] 4 MLJ 328, Sulong Matjeraie H (beliau pada ketika itu) mengatakan seperti berikut:

There should be a 'turning of tide' in favour of appropriate sentence for rape cases to reflect the abhorrence of society against rapist. This court takes judicial notice of the frequent reports in the national and local newspaper of incidents of rape. Sometimes these can be brutal and have understandably triggered an outpouring of rage with mounting public pressure to come down hard on rapist. Let the message be heard, loud and clear, that in this court there is zero tolerance of rape. No one who has committed an offence of rape can expect, upon conviction, to be dealt with other than with utmost severity. Unless there are mitigating circumstances, they can expect to be sentenced or punished with the maximum allowed by the law. The maximum sentence for this offence is not more than 20 years and shall also be liable to whipping.

It is incumbent upon a judge to impose a just and appropriate sentence in rape cases to inspire the public confidence in the rule of law. The judge's duty to uphold the rule of law is of particular importance when the judge Is dealing with the laws which protect the community from crime, such as rape cases. In this context the judge's preliminary responsibility is the protection of the public. e community must be protected from crime, and, where the exercise of this responsibility arises, the judge should have public protection at the forefront of his mind.

[65] Mitigasi tertuduh telah diberikan pertimbangan. Namun begitu, kepentingan awam hendaklah sentiasa diutamakan berbanding kepentingan individu kerana kes-kes kesalahan seksual ini ibarat satu penyakit kronik yang semakin merebak dan menjadi ancaman kepada masyarakat. Gejala sumbang mahram bukanlah satu fenomena baru, malah telah menjadi 'duri dalam daging' yang membelenggu masyarakat sejak sekian lama tanpa mengira bangsa, budaya dan agama.

[66] Pada 2 November 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia di dalam kenyataannya mengenai Statistik Jenayah Malaysia 2023 melaporkan bahawa bilangan kes jenayah seksual meningkat sebanyak 2.9 peratus dengan 3,303 kes pada 2022 berbanding 3,209 kes pada tahun 2021. Kes rogol mencatatkan peratus peningkatan tertinggi iaitu 9.6 peratus pada tahun 2022.

[67] Statistik Polis DiRaja Malaysia pula merekodkan sebanyak 1,299 kes rogol bawah umur dilaporkan pada tahun 2021, meningkat kepada 1,388 pada tahun 2022 dan 1,590 pada tahun 2023.

[68] Menyedari hakikat ini, maka hukuman berat yang dijatuhkan oleh

A mahkamah sahaja yang diharapkan dapat membantu membendung peningkatan ketara dalam kes jenayah rogol yang melibatkan gadis bawah umur daripada terus berleluasa.

B **[69]** Rayuan perayu/tertuduh terhadap sabitan dan hukuman bagi Rayuan Jenayah No: T-09–193–08 Tahun 2023 dan T-09–192–08 Tahun 2023 ditolak;

[70] Rayuan Pendakwa Raya terhadap perintah pembebasan dan pelepasan bagi Rayuan Jenayah No: T-09–194–8 Tahun 2023 dibenarkan; dan

C

[71] Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen bagi ketiga-tiga pertuduhan ini dihidupkan kembali dan dikekalkan.

D *Rayuan-rayuan tertuduh ditolak; rayuan pendakwa raya dibenarkan; hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen bagi ketiga-tiga pertuduhan dihidupkan kembali dan dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

E

F

G

H

I